

02/07/2001

180 polis awasi simposium

KUALA LUMPUR, Ahad - Seramai 150 hingga 180 anggota polis ditempatkan sepanjang majlis penutup Simposium Penegasan Hala Tuju Idealisme Mahasiswa di Universiti Malaya (UM), hari ini.

Ketua Polis Bandaraya Datuk Meor Chek Hussin Mahayuddin, berkata pihaknya juga meletakkan anggota tambahan di sekitar UM sepanjang majlis penutup simposium yang dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlangsung.

Beliau berkata, langkah itu diambil berikutan kebimbangan di kalangan pelajar UM berhubung soal keselamatan sepanjang majlis itu.

"Bagaimanapun saya berpuashati kerana tidak ada sebarang kejadian tidak diingini berlaku sepanjang majlis penutup itu berlangsung," katanya kepada pemberita selepas majlis penutup simposium itu.

Meor Chek Hussin berkata, selain anggota polis biasa beberapa unit pasukan pencegah rusuhan ringan (LSF) dari Ibu Pejabat Polis Brickfields turut ditempatkan di beberapa kawasan di sekitar UM.

Katanya, ia adalah prosedur biasa apabila polis meletakkan anggota polis tambahan bagi memastikan tiada kejadian tidak diingini.

(END)